

Bahagian A

Pilih satu daripada tajuk-tajuk di bawah ini, dan tulis kurangan yang panjangnya antara 250 hingga 300 patah perkataan. [25]

1. Pelbagai bentuk penipuan terancang di sebalik aktiviti perniagaan yang sah telah mendorong orang ramai terlibat dan keadaan ini akan memburungkan. Bincangkan.
2. Menurut Bank Negara Malaysia, pemegang kad kredit yang telah diisyiharkan muflis adalah sebanyak 30%. Bincangkan sebalik permintaan terhadap kad kredit semakin meningkat dan implikasinya kepada negara.

Bahagian B

Pilih satu daripada tajuk-tajuk di bawah ini, dan tulis kurangan yang panjangnya antara 250 hingga 300 patah perkataan. [25]

3. Kes keracunan makarau dalam kalangan pelajar sekolah semakin serius kebelakangan ini. Beberapa faktor telah dikenalpasti. Bincangkan.
4. Kemajuan sains dan teknologi dapat memberi manfaat kepada sektor pertanian. Namun demikian, kita tidak dapat mengelak daripada menerima implikasi kemajuannya. Bincangkan pernyataan di atas.

Bahagian C

Jawab dua soalan dalam bahagian ini. Pilih satu daripada soalan 5(a) atau 5(b) dan satu daripada soalan 6(a) atau 6(b) [20]

5 (a) "Seramai 58 265 orang mengalami kecelaruan mental yang berumur antara 30 hingga 59 tahun dan terus bertambah setiap tahun. Ramai yang mengidap kecelaran mental kerana mereka tidak mahu melakukan pemeriksaan awal untuk mengenal pasti tanda-tanda mengidap penyakit tersebut. Fenomena menganggap kecelaruan mental sama dengan penyakit gila menyebabkan pengidap pesakit berasa malu dan tidak mahu membuat pemeriksaan awal.

{Dipetik dan diubahsuai daripada *Laporan Pusat Konseling dan Psikologi, Kementerian Kesihatan Malaysia, 2006*}

- (i) Mengapa pengidap penyakit kecelaruan mental sentiasa meningkat?
- (ii) Dengan menggunakan tidak lebih daripada 50 patah perkataan, jelaskan kesan pengidap penyakit kecelaruan mental di tempat kerja.

ATAU

(b) "Penggunaan Perkhidmatan Pesanan Ringkas atau SMS dan MMS membantu urusan dan aktiviti manusia. Syarikat yang mengendalikan perkhidmatan ini menyediakan kemudahan perhubungan yang menjimatkan masa, kos dan ruang. Walaupun perkhidmatan ini memberi kemudahan, ramai yang mengambil kesempatan menabur fitnah dan propaganda yang boleh mencetuskan konflik dan perselisihan."

(Dipetik daripada *Berita Minggu, Ogos 2005*)

- (i) Pada pandangan anda mengapa penggunaan perkhidmatan SMS dan MMS semakin meningkat?
- (ii) Dengan menggunakan tidak lebih daripada 50 patah perkataan,uraikan cara berkesan menangani gejala menabur fitnah melalui perkhidmatan pesanan ringkas dan bergambar.

6. (a) “.....pelupusan sampah mestilah diterima oleh rakyat pada piawai yang bersesuaian dengan negara yang sedang membangun. Jika sampah terpaksa dilonggokkan di kawasan terbuka, iaitu di tempat pembuangan sampah, ini akan meracuni air bawah tanah selain menjadi tempat untuk serangga dan kuman membiak.”

(Dipetik dan diubahsuai dari Minda, Ogos 2003)

(i) Apakah kesan jika sampah dilonggokkan secara terbuka?

(ii) Dengan menggunakan tidak lebih daripada 50 patah perkataan, nyatakan langkah-langkah yang boleh diambil untuk melupuskan sampah secara mesra alam.

ATAU

(b) “Pil pelangsing kini banyak digunakan oleh kaum wanita untuk mendapatkan badan yang langsing dan cantik. Pil pelangsing yang terdapat di pasaran dihasilkan dengan mencampurkan ubat tradisional dan juga bahan kimia. Banyak kaum wanita yang sanggup mengeluarkan wang ringgit untuk membeli pil pelangsing tersebut tanpa menghiraukan kesan sampingan.”

(Dipetik dan diubahsuai dari Akademik, Mac 2006)

(i) Apakah tujuan kaum wanita mengambil pil pelangsing?

(ii) Dengan menggunakan tidak lebih daripada 50 patah perkataan, nyatakan kesan sampingan akibat pengambilan pil pelangsing.

Jawab satu soalan sahaja dalam bahagian ini. Jawapan hendaklah dibuat pada kertas graf.

[15]

7. Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah, sediakan carta yang sesuai untuk menunjukkan import dan eksport Malaysia pada tahun 2006.

Kemajuan sesebuah negara bergantung kepada kemajuan ekonomi. Pengeluaran bahan mentah yang banyak, menguntungkan negara untuk jangka masa panjang. Pada tahun 2006, eksport kasar Malaysia telah meningkat kepada RM166.5 bilion. Namun begitu import kasar Malaysia dari luar negara hanya berjumlah RM130.5 bilion. Keadaan ini kerana kuantiti barang yang dikeluarkan dalam negara kita adalah mencukupi.

Perdagangan Malaysia dengan Britain telah meningkat dengan pesat, iaitu eksport Malaysia ke negara tersebut ialah RM35.2 bilion pada tahun 2006 manakala import dari negara tersebut meningkat sebanyak 44.2% kepada RM29.3 bilion. Filipina merupakan rakan dagangan Malaysia yang banyak membeli barang dari negara kita. Eksport Malaysia ke Filipina meningkat sebanyak 18.9% kepada RM29.3 bilion. Pada masa yang sama import dari Filipina berjumlah RM17.8 bilion.

Perdagangan luar Malaysia dengan Jepun berkembang sebanyak 7.9% kepada RM44.4 bilion. Jumlah ini menunjukkan peningkatan eksport ke Jepun iaitu kepada RM19.4 bilion pada tahun 2006, manakala import pula ialah RM25 bilion. Jumlah import Kanada dari Malaysia meningkat sebanyak 15.9% atau RM26.6 bilion pada tahun 2006 manakala import dari negara tersebut pula berkurangan sebanyak 4% kepada RM17.3 bilion.

Perdagangan Malaysia dengan Hong Kong juga menampakkan bahawa barangan Malaysia mempunyai permintaan yang banyak sama ada dari negara barat atau timur. Malaysia mengeksport barangan ke Hong Kong dengan nilai RM19.3 bilion dan nilai import dari negara tersebut ialah RM15.4 bilion. Taiwan juga telah menunjukkan jumlah dagangan yang menguntungkan negara Malaysia kerana import negara tersebut adalah lebih tinggi berbanding negara kita. Eksport Malaysia ke Taiwan ialah RM12.4 bilion manakala import pula ialah RM13.3 bilion.

Sementara itu, import Malaysia dari negara-negara lain pula bermilai RM12.4 bilion manakala eksport Malaysia ke negara-negara lain ialah RM24.3 bilion. Eksport negara ini bertambah adalah disebabkan usaha kerajaan untuk meningkatkan pendapatan negara.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada laporan ekonomi, 2006)

900/2

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

[Lihat sebelah
SULIT*

SULIT*

8. Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam Jadual di bawah, sediakan graf yang sesuai untuk menunjukkan jumlah perubahan jenis pelalian bagi kanak-kanak bagi tahun 2000 hingga tahun 2004.

Kajian mendapati kanak-kanak yang menghidap pelbagai penyakit memerlukan pemerhatian segera. Justeru, Kementerian Kesihatan telah mengambil pelbagai inisiatif seperti memberi ubat pelalian tertentu kepada kanak-kanak.

Pada tahun 2000 sebanyak 21.3 ribu orang kanak-kanak telah diberi pelalian *Bacille Calmette-Guerin* (BCG) tetapi jumlah ini mengalami penurunan sebanyak 600 orang atau 2.8% pada tahun 2001, iaitu hanya merangkumi 20.7 ribu orang. Jumlah kanak-kanak mendapat BCG pada tahun 2002 pula ialah 32.3 ribu orang manakala jumlah ini meningkat sebanyak 8.9 ribu orang pada tahun berikutnya. Pada tahun 2004 pula ialah 44.3 ribu orang.

Pemberian vaksin unruk kerongkong, kancing gigi dan batuk kokol ialah 10.2 ribu orang pada tahun 2000 dan jumlah ini meningkat sebanyak 10.4 ribu orang pada tahun 2001. Jumlah kanak-kanak yang menerima vaksin berkenaan juga meningkat sebanyak 0.7 ribu orang menjadi 21.3 ribu orang pada tahun 2002 berbanding tahun 2001. Jumlah bertambah dengan banyak pada tahun 2003 iaitu 22.1 ribu orang tetapi menurun kepada 20.5 ribu orang pada tahun 2004.

Vaksin hepatitis B (dos ketiga) digunakan sebagai sebahagian daripada program pelalian kanak-kanak yang diberi secara percuma. Pada tahun 2000 sebanyak 20.2 ribu orang kanak-kanak terlibat. Pada tahun 2001 pula sebanyak 19.6 ribu orang diberi vaksin tersebut. Pada tahun 2002 jumlah ini berkurang kepada 18.3 ribu orang. Pada tahun 2003 dan 2004 adalah sebanyak 21.3 ribu orang dan 22.7 ribu orang.

Sebanyak 18.4 ribu orang mendapat vaksin demam campak pada tahun 2000. Manakala pada tahun 2001, bilangannya ialah 29.6 ribu orang. Setahun kemudian jumlah ini menjadi 30.1 ribu orang. Sebanyak 33.4 ribu orang pada tahun 2003 dan 32.6 ribu orang pada tahun 2004.

Pada tahun 2000 pemberian ubat polio (dos ketiga) sebanyak 19.9 ribu orang dan 19.5 ribu orang pada tahun 2001. Pada tahun 2002, bilangan kanak-kanak yang menerima vaksin ini ialah 20.2 ribu orang. Jumlah ini meningkat sebanyak 1.1 ribu orang pada tahun 2003 dan menjadi 22.3 ribu orang pada tahun 2004.

Jumlah kanak-kanak yang mendapat ubat pelalian pada tahun 2000 ialah 90 ribu orang. Manakala pada tahun 2001, 2002 dan 2003 jumlahnya ialah 110 ribu orang, 122.2 ribu orang dan 139.3 ribu orang. Jumlah paling tinggi ialah pada tahun 2004 iaitu 142.4 ribu orang.

(Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada Laporan Kementerian Kesihatan Malaysia, 2004)

9002/2

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat

SULIT*

Bahagian E

Jawab sekitar sebanyak soalan diatas bahagian ini.

[15]

9. Berdasarkan jadual di bawah, buraikan keadaan eksport keluaran mengikut sektor-sektor utama di Malaysia antara tahun 2000 hingga tahun 2010. Berikan sebab berlakunya peningkatan dalam eksport keluaran Malaysia.

Malaysia: Eksport Keluaran antara Tahun 2000, 2005 dan 2010 (Anggaran)

Sektor	Tahun 2000		Tahun 2005		Tahun 2010*	
	RM Juta	%	RM Juta	%	RM Juta	%
Perindustrian						
Makanan	14 544	18.6	18 028	4.9	22 955	2.9
Berangan Elektronik	4 411	5.6	9 948	2.7	15 315	1.9
Pembot	3 027	3.9	2 571	0.7	1 840	0.2
Teksil	4 041	5.2	2 489	0.7	1 800	0.2
	3 065	3.9	3 020	0.8	4 000	0.5
Pertanian						
Minyak sawit	14 176	18.1	25 976	7.1	14 667	1.9
Gedah	10 639	13.6	14 241	3.9	3 642	0.5
Lada hitam	2 635	3.4	11 300	3.1	10 578	1.3
	902	1.2	435	0.1	447	0.1
Pembuatan	46 841	59.9	317 937	86.5	729 337	92.3
Laik-lain	2 611	3.3	5 657	1.5	22 870	9.2
Jumlah	78 172	100.0	367 598	100.0	789 829	100.0

*Tahun anggaran

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada Rangka Kewangan
Jangka Panjang Ketiga, 2000 – 2009)


980/2

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

[Lihat sebelah
SULIT*

10. Berdasarkan carta aliran di bawah, jelaskan faktor-faktor yang menyebabkan seseorang menghadapi situasi yang mendorong kepada berlaku ketegangan atau stress dalam sesebuah organisasi. Nyatakan langkah yang boleh diambil bagi menangani stress.

Punca-punca ketegangan dalam sesebuah organisasi



Dipetik dan diubahsuaikan daripada Buku Pengurusan Perniagaan,
Longmans, 2005)